

13/11/1998

Singapura kini `kawan sebenar`

KUALA LUMPUR, Khamis -Singapura adalah antara negara anggota Asean yang bersikap madani dan `kawan sebenar` Malaysia kerana tidak pernah membuat kenyataan yang boleh dianggap campurtangan dalam hal ehwal dalaman negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nazri Aziz, berkata walaupun hubungan kedua-dua negara agak tegang satu ketika dulu, ia sudah dijernihkan selepas Perdana Menteri, Goh Chok Thong, menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

"Singapura sekurang-kurangnya lebih sopan... dia tidak campur tangan (dalam hal ehwal dalam Malaysia). Goh sendiri menyatakan apa yang ditulis oleh Lee Kuan Yew (dalam bukunya) itu bukan pemikiran kerajaan, sebaliknya pemikiran seorang individu... kita terima hakikat ini.

"Waktu ini nampaknya Singapura sebenarnya kawan, yang tiga lagi (Filipina, Indonesia dan Thailand) bukan kawan yang boleh membantu waktu kita bermasalah," katanya menjawab soalan Datuk Hong Choon Kim (BN-Seremban), di Dewan Rakyat hari ini.

Hubungan Malaysia-Singapura agak tegang sebelum ini, terutama berikutan keengganan republik itu membenarkan pekerja dari Semenanjung mengeluarkan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) apabila mereka berhenti kerja.

Selain itu, beberapa kenyataan agak kasar dari Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew, termasuk tulisan dalam bukunya `Memoirs of Lee Kuan Yew` yang membabitkan beberapa bekas pemimpin Malaysia.

Malaysia turut mengambil beberapa langkah yang tidak menyenangkan hati pemimpin republik itu, termasuk melarang pesawat Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) daripada menggunakan ruang angkasanya Malaysia.

Bagaimanapun, hubungan itu kembali pulih selepas Goh melawat Dr Mahathir bulan lalu.

Sementara itu, Malaysia agak kecewa dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh beberapa pemimpin Asean, terutama Presiden Filipina, Joseph Estrada dan Presiden Indonesia, BJ Habibie, yang mengkritik kerajaan membabitkan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menjawab soalan lain, Nazri berkata setakat ini kerajaan masih mampu untuk menangani masalah kegawatan ekonomi tanpa bantuan mana-mana pihak.

"Tidak ada sebarang bantuan diterima dari mana-mana negara, termasuk negara jiran," katanya.

Terdahulu Mohamad Sabu (Pas-Kubang Kerian) bertanya adakah tindakan Malaysia berlembut semula dengan Singapura kerana memerlukan bantuan wang dari republik itu untuk memulihkan ekonomi negara ini, iaitu dengan cara menjual lebih banyak air mentah.

Menurut Nazri, air sememangnya masalah paling besar bagi Singapura dan Malaysia akan membekalkannya, tetapi bukan dengan percuma.

"Sebagai balasan mereka terpaksa memberi sesuatu kepada kita... ini biasa," katanya dan menambah Malaysia hanya membekal air mentah, berikutan air diproses memerlukan kilang penapisan yang terlalu mahal.

(END)